

28/10/2002

`Jangan politikkan tindakan kerajaan henti bantuan'

KUALA LUMPUR, Ahad - Tindakan kerajaan menghentikan sementara bantuan untuk semua Sekolah Agama Rakyat tidak harus dipolitikkan atau disalah tafsirkan mana-mana pihak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, ini kerana keputusan yang dibuat itu bertujuan membersihkan imej sekolah berkenaan yang disalahgunakan pihak tertentu, sehingga menjadi sekolah politik, bukan lagi sekolah agama yang sebenarnya.

Katanya, bukan tujuan kerajaan untuk menghentikan terus bantuan berkenaan, sebaliknya ia hanya bersifat sementara iaitu sehingga kerajaan mengenal pasti jumlah sebenar Sekolah Agama Rakyat yang terbabit.

"Perdana Menteri sendiri mengeluarkan kenyataan bahawa bantuan akan dihentikan sehingga kita memastikan sekolah berkenaan betul-betul mendidik anak bangsa dengan ajaran agama, bukannya perkara berkaitan politik.

"Ini kerana timbul kekeliruan berikutan ada sekolah agama yang tidak mengikut kurikulum ditetapkan. Bantuan hanya akan diberikan semula kepada sekolah agama yang dikenal pasti tidak dipolitikkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Minggu Pembangunan Ekonomi Islam sempena majlis tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Ketika mengumumkan keputusan kerajaan itu Jumaat lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ada Sekolah Agama Rakyat digunakan untuk mengajar anak-anak supaya membenci pemimpin sehingga disamakan dengan Firaun.

Keadaan ini katanya, menyebabkan anak-anak berkenaan apabila balik ke rumah meminta ibu bapa mereka menurunkan gambar Firaun.

Dengan kerana itu kata perdana Menteri, kerajaan tidak boleh memberi bantuan lagi kepada sekolah yang dikatakan sekolah agama ini, tetapi sebenarnya bukan sekolah agama.

Dr Mahathir juga berkata, tindakan menghentikan sementara bantuan perkapita kepada sekolah terbabit bertujuan membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah berkenaan dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

Abdul Hamid berkata, sehinggalah kerajaan berpuas hati sekolah agama berkenaan tidak lagi lari daripada kurikulum ditetapkan, barulah bantuan perkapita akan diberikan semula.

Mengenai jumlah sekolah terbabit dan di negeri mana tindakan mempolitikkan sekolah agama itu telah dikesan berlaku, beliau berkata: "Ia berselerak di seluruh negara dan tidak hanya tertumpu di sesebuah negeri saja."

Ketika diiminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri bahawa kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan tazkirah ketika solat sunat Tarawih sepanjang Ramadan ini, beliau berkata:

"Kita tidak mahu ketika orang khusyuk menunaikan solat Tarawih ia terpaksa dihentikan setiap empat rakaat misalnya, untuk memberi laluan kepada tazkirah, kemudian sambung lagi (solat).

"Ini akan menjejaskan khusyuk atau tumpuan mereka yang menunaikan solat Tarawih. Kita perlu ingat, mereka yang datang menunaikan solat sunat itu daripad pelbagai latar belakang makmum, ada yang uzur dan ada yang tua...tidak dapat menunggu terlalu lama. Ini dengan sendirinya mengganggu keselesaan orang menunaikan solat sunat Tarawih."

Di samping itu, Abdul Hamid berkata, kerajaan juga tidak mahu pihak

tertentu menyalahgunakan tazkirah sehingga ia menyimpang jauh, bukan digunakan untuk menyampaikan ajaran Islam sebenar.

Beliau berkata, ada kalanya tazkirah digunakan untuk menyampaikan cerita-cerita politik, mengumpat, memfitnah dan macam-macam lagi yang tidak sepatutnya diceritakan ketika solat Tarawih.

"Bagi memastikan tidak ada pihak yang akan mengambil kesempatan menganjurkan tazkirah ketika solat Tarawih, Jabatan Agama Islam di setiap negeri akan membuat pemantauan sepanjang Ramadan ini," katanya.

Ditanya apakah tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang melanggar larangan itu, beliau berkata ia adalah kuasa negeri dan tindakan bergantung kepada peruntukan negeri berkenaan.